

NO SOALAN : 59

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK DR. MAKIN @ MARCUS
MOJIGOH
(PUTATAN)**

**TARIKH : 9.6.2015
(SELASA)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan :-

- b) berapa ramaikah rekrut Angkatan Tentera Malaysia sejak tahun 2000 dan pecahan rekrut mengikut Negeri; dan**

- b) jumlah anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) yang menamatkan perkhidmatan sebelum mencapai tempoh perkhidmatan 21 tahun serta jumlah bayaran yang dibayar kepada mereka ini.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah rekrut Angkatan Tentera Malaysia sejak tahun 2000 hingga tahun 2014 (15 tahun) adalah seramai 76,139 orang yang terdiri daripada 56,438 anggota Tentera Darat Malaysia (TDM), 12,013 anggota Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan 7,688 anggota Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Manakala pecahan rekrut mengikut negeri mulai tahun 2000 hingga tahun 2014 adalah: Perak seramai 8,734 orang, Selangor seramai 1,499 orang, Pahang seramai 4,679 orang, Kelantan seramai 11,892 orang, WP Labuan seramai 29 orang WP Putrajaya seramai 2 orang, Johor seramai 7,855 orang, Kedah seramai 12,168 orang, Melaka seramai 2,930 orang, Negeri Sembilan seramai 3,275 orang, Pulau Pinang seramai 2,442 orang, Perlis seramai 1,324 orang, Terengganu seramai 3,442 orang, WP Kuala Lumpur seramai 2,672 orang, Sabah seramai 5,466 orang dan Sarawak seramai 7,730 orang.

Manakala jumlah anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) yang menamatkan perkhidmatan sebelum mencapai tempoh perkhidmatan 21 tahun mulai tahun 2010 sehingga bulan Mac 2015 adalah seramai 8,044 orang. Anggota LLP di dalam kategori ini tidak berpencen tetapi mereka dibayar wang caruman Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 yang terdiri daripada caruman sendiri beserta dividen dan caruman kerajaan beserta dividen. Selain itu, anggota LLP yang menamatkan perkhidmatan kerana telah menggenapkan tempoh tamat perkhidmatan juga layak diberi Faedah Gantian Cuti Rehat (FGCR) bagi maksimum cuti terkumpul sebanyak 150 hari.